

Publication: Berita Harian , p 05

Date: 6 January 2017

Headline: Research grant awards to enhance cybersecurity

Anugerah projek penyelidikan untuk pertingkat keselamatan siber

YAYASAN Penyelidikan Nasional (NRF) Singapura dan Universiti Tel Aviv (TAU) dari Israel telah menganugerahkan empat projek penyelidikan, termasuk penilaian kelakuan manusia dan topologi (susunan rangkaian) Internet bagi memperbaiki keselamatan siber.

Projek itu terangkum dalam program kerjasama NRF-TAU yang dilancarkan Mei tahun lalu oleh Program Keselamatan Penyelidikan dan Pengembangan (R&D) Siber Kebangsaan dan Pusat Kajian Pelbagai Disiplin Blavatnik (ICRC).

Ia bertujuan menyokong projek kajian bersama bagi tujuan merangsang keselamatan siber bagi Inisiatif Negara Bijak dan Internet of Things; kajian tingkah laku dan keselamatan siber daripada sudut sains sosial; dan dasar serta perundangan keselamatan siber.

Empat projek kajian terpilih itu akan dilaksanakan oleh pengkaji utama daripada universiti setempat, yang akan bekerjasama dengan pengkaji daripada TAU.

Dua projek itu akan diterajui Universiti Teknologi Nanyang (NTU), sementara dua lagi dipimpin Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Mengulas tentang kerjasama itu, Pengarah (Program) NRF dan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Program R&D Keselamatan Siber Kebangsaan, Encik George Loh, berkata:

"Keselamatan siber ialah ancaman sejagat yang merentasi sempadan negara.

"Israel mempunyai keupayaan keselamatan siber yang kukuh dan telah membangunkan teknologi bagi 10 peratus pasaran dunia.

"Kerjasama Singapura dengan ICRC di TAU membuka peluang kepada kajian bermutu tinggi yang merentasi disiplin dan kajian bersama dalam bidang keselamatan siber bagi kota bijak dan dasar serta perundangan keselamatan siber yang menambah kepada kajian yang dilakukan di universiti setempat."

Tambahnya, projek tersebut juga akan memperkukuh desain Negara Bijak bagi pengguna, sebagai contoh, memberikan 'dasar keselamatan yang mengutamakan pengguna alat mudah alih secara automatik', berdasarkan profil pengguna, seperti penggunaan alat itu atau usia.

Ketua ICRC, Profesor Isaac Ben Issrael, berkata: "Fenomena siber kebelakangan ini menjejaskan pelbagai aspek kehidupan kita, melebihi lapisan maklumat.

"Dunia akademi, dalam aspek ini, adalah penting, bagi menawarkan inovasi dan merintis perkara baru bagi revolusi ini."

